

## Inisiatif baru bimbing siswa dalam kerjaya



**BERSAMA PELAJAR:** Menteri Pendidikan Ong Ye Kung beramah mesra dengan pemimpin pelajar Kesatuan Pelajar Singapura Universiti Teknologi Nanyang (NTUSU) yang menganjurkan sidang pertama *The First Step* di One Farrer Hotel semalam. – Foto NTU

KESATUAN Pelajar Singapura Universiti Teknologi Nanyang (NTUSU) semalam melancarkan inisiatif baru yang bertujuan memberikan lulusan universiti permulaan yang baik dalam kerjaya.

Satu daripada inisiatif itu ialah persidangan *The First Step*, yang di terajui oleh NTUSU untuk menawarkan forum bagi mahasiswa Singapura melibatkan diri dalam perbincangan dengan majikan terkemuka mengenai peluang pekerjaan, menurut satu kenyataan NTU semalam.

Persidangan itu akan menjadi wadah bagi merapatkan majikan dan pekerja masa depan mereka, serta menggalakkan pendekatan lebih menyeluruh dalam pengambilan kerja.

*The First Step* turut disokong pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD), Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS).

Diadakan di One Farrer Hotel semalam, sidang pertama *The First Step* itu dihadiri sekitar 250 pelajar dan 300 majikan.

Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye

Kung, yang juga Penaung *The First Step*, merupakan tetamu terhormat di sidang itu.

“Saya terdorong dengan inisiatif pelajar itu untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan majikan mengenai pendidikan tinggi yang telah berubah, membangun pelajar secara menyeluruh menjangkau ilmu akademik.

“Kini masanya amalan pengambilan kerja dan kaedah pemilihan untuk berubah sejajar dengannya, dan saya berharap sidang ini, yang dianjurkan pelajar, akan mendorong perubahan itu,” ujar Encik Ong.

Di sidang tersebut, NTUSU turut memeterai kerjasama dengan Persekutuan Pengilang Singapura (SMF) untuk menyediakan mahasiswa dan lulusan NTU dengan lebih banyak peluang dalam latihan kepimpinan, bimbingan serta pepadanan kerja.

Perjanjian antara NTUSU dengan SMF itu ditandatangani Presiden NTUSU, Encik Edward Lim serta Presiden SMF, Encik Douglas Foo, dan disaksikan Encik Ong.

Encik Lim berkata sidang itu bertujuan mendorong majikan mengamalkan pengambilan kerja dengan tumpuan terhadap kriteria menjangkau keputusan akademik.

“Antara keprihatinan terbesar maha-

siswa adalah cara majikan memberi respons kepada keperluan tenaga kerja masa depan.

“Kami berharap sidang dan kerjasama baru NTUSU dengan SMF itu akan memberi manfaat kepada pelajar dan majikan dalam usaha memupuk hubungan baru, dan menyumbang kepada tenaga kerja lebih kukuh,” ujar Encik Lim.

Sidang semalam turut mengetengahkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) DBS Group, Encik Piyush Gupta, yang menyampaikan ucapan tama mengenai penggunaan kaedah inovatif mengambil kerja lulusan baru, serta panelis lain yang mewakili sektor awam dan privet serta universiti, termasuk Presiden NTU, Profesor Subra Suresh.

“*The First Step* menyediakan pelajar dan majikan satu wadah penting untuk mendapatkan pandangan tentang jangkaan tugas, trend pengambilan kerja, serta kemahiran yang diperlukan.

“Dalam tempat kerja global hari ini, teknologi baru kini membawa kepada bentuk kerja dan kerjasama baru, serta cabaran baru bagi industri dan pencari kerja.

“Sidang ini membolehkan peserta memahami isu dan cabaran dalam sekitaran kerja global rumit hari ini,” ujar Profesor Suresh.